A

R Maran a/l Rajoo & satu lagi lwn Chenasamy a/l Kannasamy

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN SIVIL NO 11–16 TAHUN 2002
BALIA YUSOF PK
16 DISEMBER 2002

B

Acara Sivil *— Rayuan — Rekod rayuan — Draf perintah — Sama ada draf perintah adalah satu 'decision' bagi tujuan A 49 k 6(3)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 — Kegagalan untuk memasukkan pernyataan tuntutan dan pembelaan — Sama ada perlu untuk memasukkan pernyataan tuntutan dan pembelaan*

C

Ini adalah rayuan perayu/defendan terhadap keputusan majistret yang telah menolak permohonannya untuk perlanjutan masa bagi memfailkan rayuan. Semasa mendengar rayuan tersebut, peguam responden/plaintif telah membangkitkan satu bantahan awal berkenaan dengan rekod rayuan defendan. Plaintif telah berhujah bahawa: (a) rekod rayuan tersebut tidak lengkap kerana pernyataan tuntutan dan pembelaan tidak dilampirkan bersama dengannya; (b) draf perintah yang disertakan bukanlah satu 'decision' seperti yang diperuntukkan di bawah A 49 k 6(3)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'); dan (c) notis rayuan tidak diindorskan. Notis bantahan awal telah diberikan oleh peguam plaintif. Bagaimanapun, peguam defendan membantah notis tersebut berdasarkan bahawa notis tersebut tidak memenuhi peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh Majlis Peguam di bawah s 57(c) Akta Profesion Undang-Undang 1976.

D

E

F

Diputuskan:

(1) Notis bantahan awal tersebut, walaupun tidak dengan secara terperinci mematuhi segala keperluan di dalam peraturan yang dibuat oleh Majlis Peguam, adalah memadai. Prinsip utama yang perlu dititikberatkan oleh mahkamah adalah supaya pihak defendan (perayu) tidak dikejutkan dan sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa defendan tidak dikejutkan, bantahan awal yang ingin dibangkitkan itu dibenarkan (lihat ms 27C–F); *Datuk Bandar Kuala Lumpur v Seman bin Ahmad & Anor* [1996] 3 CLJ 263 dirujuk.

G

(2) Rayuan di dalam kes ini adalah terhadap keputusan majistret mengenai permohonan perlanjutan masa untuk memfailkan rayuan di luar jangkamasa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, ketiadaan pernyataan tuntutan dan pembelaan di dalam rekod rayuan tidak langsung menjejaskan rayuan yang difailkan. Malahan, bagi tujuan serta maksud rayuan semasa, dokumen-dokumen tersebut adalah tidak relevan (lihat ms 33C–F).

H

I

(3) Aturan 49 k 6(3)(d) yang baru dengan jelas memperuntukkan bahawa 'Order or draft order of the decision appealed from'

manakala kaedah yang lama berbunyi 'the decision appealed from'. Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa penambahan perkataan 'order or draft order' di bawah peruntukan yang baru telah memperluaskan skop dan pemakaian kaedah berkenaan dengan meliputi perintah draf dan hendaklah diberi interpretasi yang berlainan daripada interpretasi kaedah yang lama (lihat ms 28C–E); *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v MBF Finance Bhd* [1996] 2 CLJ 130 dan *Mat Yassin bin Dolah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 dibeza.

(4) Notis rayuan tersebut telah diserahkan kepada plaintif (responden) dan telah difailkan di dalam masa yang ditentukan. Setelah penelitian dibuat, didapati bahawa notis rayuan tersebut ada diindorskan dengan cap penerimaan Mahkamah Tinggi Ipoh. Ini bermakna bahawa notis rayuan telah melalui proses pemfailan dan dengan yang demikian bolehlah dikatakan telah dikeluarkan melalui mahkamah ('had emanated from the court') (lihat ms 29C, H–I); *Himat Iktisas (M) Sdn Bhd v Better Sleep Marketing (East Coast) Sdn Bhd* [2002] 1 MLJ 577 dibeza.

(5) Bantahan awal yang ditimbulkan oleh plaintif (responden) adalah merupakan bantahan atas dasar teknikal semata-mata dan seharusnya tidak dibenarkan untuk menyekat proses memberikan keadilan kepada pihak yang patut menerimanya dengan mengambil kira isu-isu yang substantif di hadapan mahkamah (lihat ms 30A–B); *United Malayan Banking Corpn Bhd v Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 1 MLJ 561 diikut. Tiada sebarang faktor yang boleh menyebabkan ketidakadilan yang substantif telah dilakukan terhadap plaintif (responden) dengan kecacatan yang terdapat di dalam notis rayuan tersebut. Mahkamah juga tidak berpuas hati bahawa plaintif (responden) telah diprejudiskan (lihat ms 32I–33A).

[English summary

This was an appeal by the appellant/defendant against the decision of the magistrate in dismissing his application for an extension of time to file the appeal. At the hearing of the appeal, the respondent/plaintiff's counsel raised a preliminary objection in relation to the defendant's appeal record. The plaintiff contended, inter alia, that: (a) the appeal record was incomplete as the statement of claims and the defence were not included therein; (b) the draft order attached thereto was not a 'decision' for purposes of O 49 r 6(3)(d) of the Subordinate Courts Rules 1980 ('SCR'); and (c) the notice of appeal was not indorsed. Notice had been given earlier by the plaintiff's counsel in respect of his intention to raise the preliminary objection. The defendant's counsel objected to the notice of preliminary objection on the grounds that the same did not comply with the rules made by the Bar Council pursuant to s 57(c) of the Legal Profession Act 1976.

A **Held**:

(1) The notice of preliminary objection was in order although the same did not comply totally with the rules made by the Bar Council. The main consideration to be taken into account was that the defendant (appellant) had not been taken by surprise and so long as the court was satisfied that this was so, the preliminary objection should be allowed (see p 27C–F); *Datuk Bandar Kuala Lumpur v Seman bin Ahmad & Anor* [1996] 3 CLJ 263 followed.

(2) The appeal in this case was against the decision of the magistrate in relation to the application for for an extension of time to file the appeal out of time. Therefore, the absence of the statement of claims and the defence did not affect the appeal that was filed. Furthermore, for the purpose of the present appeal, those documents were not relevant (see p 33C–F).

(3) The new O 49 r 6(3)(d) clearly provides for 'Order or draft order of the decision appealed from' as compared to the old rule which provided for 'the decision appealed from'. The difference clearly shows that the addition of the words 'order or draft order' under the new rule had widened the scope dan the applicability of the said rule to cover a draft order and must be given a different interpretation as that of the old rule (see p 28C–E); *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v MBF Finance Bhd* [1996] 2 CLJ 130 dan *Mat Yassin bin Dolah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 distinguished.

(4) The notice of appeal had been served on the plaintiff (respondent) and filed within the prescribed time. After checking through the notice, it was found that the notice of appeal had been indorsed with a stamping of the High Court at Ipoh. This meant that the notice of appeal had gone through the filing process and ought to be regarded as having emanated from the court (see p 29C, H–I); *Himat Iktisas (M) Sdn Bhd v Better Sleep Marketing (East Coast) Sdn Bhd* [2002] 1 MLJ 577 distinguished.

(5) The preliminary objections raised by the plaintiff were purely technical in nature and should not be allowed to obstruct the process of giving justice to the party that deserves it by having regard to the substantive issues raised in court (see p 30A–B); *United Malayan Banking Corpn Bhd v Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 1 MLJ 561 followed. There was no factor which could cause a substantial injustice towards the plaintiff (respondent) due to the defect that was found in the appeal notice. The court was not satisfied that the plaintiff was prejudiced (see pp 32I–33A).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai dengan rekod rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 1126-1168.

Kes-kes yang dirujuk

Datuk Bandar Kuala Lumpur v Seman bin Ahmad & Anor [1996] 3 CLJ 263 (dirujuk)
Himat Iktisas (M) Sdn Bhd v Better Sleep Marketing (East Coast) Sdn Bhd [2002] 1 MLJ 577 (dibeza)
Lee Lan v Lim Yoon Loy & Ors [1991] 3 MLJ 419 (dirujuk)
Mat Yassin bin Dolah v Ibrahim bin Husin & Anor [1997] 2 MLJ 681 (dibeza)
Megat Najmuddin bin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd [2002] 1 MLJ 385 (dirujuk)
Ng Cheah Cheong v Ong Sing Hock [2002] 6 MLJ 481 (dirujuk)
Sii Toh Siong v Hung Ming Chung [2000] 2 MLJ 204 (dirujuk)
Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v MBf Finance Bhd [1996] 2 CLJ 130 (dibeza)
United Malayan Banking Corp Bhd v Ernest Cheong Yong Yin [2001] 1 MLJ 561 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Profession Undang-Undang 1976 s 57(c)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 49 k 6(2), (3)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 1A, A 2 k 3

Shamini A Mahalingam (*Shamini Karu & Leong*) bagi pihak perayu.
Kelvin Ding (*Nga Hock Cheh & Co*) bagi pihak responden.

Balia Yusof PK: Rayuan yang dibuat oleh perayu/defendan dalam kes ini adalah terhadap keputusan majistret bertarikh 9 Mei 2002 yang menolak permohonan perayu/defendan bagi perlanjutan masa untuk memfailkan rayuan. Pihak perayu telah memfailkan permohonan bagi perlanjutan masa untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan majistret berkenaan bertarikh 7 Jun 2001 yang telah membenarkan penghakiman terus kepada pihak responden/plaintif. Rayuan perayu adalah di dalam lampiran 5.

Pada awal perbicaraan untuk mendengar rayuan, pihak responden telah membangkitkan beberapa isu sebagai bantahan awal. Sebelum dari tarikh pendengaran ini, peguam responden telah memberikan notis kepada pihak peguam perayu mengenai hasratnya untuk membuat bantahan awal yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun peguam perayu telah membantah terhadap notis tersebut dan menghujahkan bahawa notis yang dikemukakan oleh pihak responden adalah tidak lengkap dan tidak mencukupi atas alasan bahawa tiada butir-butir lengkap yang diberikan oleh peguam di dalam notis tersebut.

Mahkamah ini telah dirujukkan kepada peraturan yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah s 57(c) Akta Profession Undang-Undang 1976 yang berkuatkuasa mulai 1 November 2001 berhubung dengan notis bantahan awal yang memperuntukkan cara-cara dan perkara-perkara yang perlu dipatuhi di dalam mengemukakan bantahan awal oleh pihak-pihak yang terlibat.

A Tanpa menurunkan secara terperinci peraturan-peraturan berkenaan dan setelah mendengar hujah-hujah kedua-dua pihak, mahkamah ini telah memutuskan bahawa notis yang dikemukakan oleh peguam responden adalah memadai dan pendengaran bantahan awal hendaklah diteruskan. Memadai bagi mahkamah ini merujuk kepada kes *Sii Toh Siong v Hung Ming Chung* [2000] 2 MLJ 204 yang telah menurunkan prinsip bahawa B adalah bukan undang-undang bahawa ketiadaan notis terdahulu akan terus menutup peluang kepada pihak yang berniat membantah daripada membangkitkan bantahan tersebut. Tee Ah Sing H di dalam kes tersebut telah menyatakan bahawa satu bantahan awal di atas perkara undang-undang boleh dibangkitkan walaupun tiada notis bantahan awal diberikan C sebelumnya, oleh kerana sebarang bantahan awal yang dibangkitkan boleh berkenaan dengan perkara pokok seperti kepenyalahan undang-undang di dalam prosiding yang diambil.

Di dalam kes yang dibicarakan ini, notis bantahan awal memang telah diberikan dan saya mendapati notis tersebut walaupun tidak dengan secara terperinci mematuhi segala keperluan yang disebutkan di dalam peraturan D yang dibuat oleh Majlis Peguam tersebut adalah memadai dan telah memberikan notis awalan yang secukupnya bagi membolehkan peguam perayu untuk membuat segala persediaan yang perlu bagi menjawab apa-apa hujahan di dalam bantahan awal yang akan dikemukakan oleh pihak satu lagi. Notis yang diberikan kepada perayu adalah berupa sepucuk surat yang menyatakan bahawa pihak responden akan membuat bantahan E kepada notis rayuan kerana melanggar A 49 K 6(2) dan (3) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Prinsip utama yang perlu dititikberatkan oleh mahkamah ini adalah supaya pihak perayu tidak dikejutkan. Oleh itu, jika sekiranya mahkamah ini berpuas hati bahawa tindak tanduk responden itu tidak menimbulkan F kekejutan kepada pihak perayu maka sewajarnyalah bantahan awal yang ingin dibangkitkan itu dibenarkan (kes *Datuk Bandar Kuala Lumpur v Seman bin Ahmad & Anor* [1996] 3 CLJ 263).

Di dalam pendengaran bantahan awal oleh pihak responden, tiga isu penting telah dibangkitkan iaitu:

G (1) Rekod rayuan adalah tidak lengkap kerana tidak mengandungi pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan pihak-pihak.

Ini adalah melanggari A 49 k 6(3)(b) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

(2) draf perintah yang dikemukakan di dalam lampiran 5 adalah H merupakan draf yang tidak diluluskan oleh mahkamah dan ini adalah melanggari A 49 k 6(3)(d).

(3) Notis rayuan tidak diendoskan.

Bagi menyokong hujah yang dikemukakan, pihak responden telah merujuk kepada beberapa otoriti berhubung isu perintah draf yang dikemukakan I oleh pihak perayu di dalam lampiran 5. Dalam kes *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v MBF Finance Bhd* [1996] 2 CLJ 130, Mohd Hishamuddin H telah memutuskan bahawa perintah draf bukanlah

merupakan keputusan bagi maksud k 6(3)(d) dan draf penghakiman bukanlah merupakan satu penghakiman oleh mahkamah. Keputusan yang sama telah dibuat oleh Nik Hashim PK (pada ketika itu) di dalam kes *Mat Yassin bin Dolah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 di mana prinsip di dalam kes *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v MBF Finance Bhd* telah diikuti dengan sepenuhnya. Saya telah meneliti hujahan yang dikemukakan oleh pihak responden berhubung dengan kedua-dua kes tersebut dan mendapati bahawa kedua-dua kes tersebut boleh dibezakan dengan kes di hadapan saya di mana di dalam kedua-dua kes tersebut keputusan yang dibuat adalah di atas peruntukan di dalam k 6(3)(d) yang lama. Di dalam kedua-dua kes tersebut, makna perkataan 'decision' adalah merupakan isu utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah. Di dalam kes yang dikemukakan di hadapan saya ini, perintah draf mahkamah yang dirayu ada dimasukkan di dalam rekod rayuan iaitu di ms 3 dan 4 lampiran 5.

Dalam pada itu juga k 6(3)(d) dengan jelas memperuntukkan bahawa 'Order or Draft Order of the decision appealed from' manakala di bawah peruntukan yang lama perenggan berkenaan berbunyi 'the decision appealed from'. Pada pandangan saya terdapat perbezaan di dalam kedua-dua kaedah tersebut dan ini jelas menunjukkan bahawa penambahan perkataan 'Order or Draft Order' di bawah peruntukan yang baru di dalam kaedah berkenaan telah memperluaskan skop dan pemakaian kaedah berkenaan dengan meliputi perintah draf dan hendaklah diberikan interpretasi yang berlainan daripada intepretasi yang diberikan kepada peruntukan yang lama seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v MBF Finance Bhd* dan *Mat Yassin bin Dolah v Ibrahim b Hussin & Anor*. Kes *Mat Yassin bin Dolah* juga boleh dibezakan memandangkan bahawa kecacatan pada rekod rayuan kes tersebut adalah kerana tiada salinan keputusan mahkamah yang dirayu telah dimasukkan di dalam rekod rayuan berkenaan. Kecacatan pada rekod rayuan tersebut adalah kerana ianya tidak mengandungi sebarang salinan perintah mahkamah yang dirayu.

Mahkamah ini juga telah dirujukkan kepada kes *Sii Toh Siong v Hung Ming Chung* di mana telah diputuskan bahawa rekod rayuan tanpa keputusan adalah tidak lengkap dan memandangkan keputusan yang dikemukakan di dalam rekod rayuan tersebut adalah merupakan salinan perintah draf sahaja dan bukannya salinan bermeterai, maka, ia adalah merupakan bukan keputusan dalam erti kata k 6(3)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Sekali lagi mahkamah ini dapat membezakan keputusan tersebut kerana ia juga adalah merupakan suatu keputusan yang dibuat berdasarkan kepada peruntukan kaedah yang lama di bawah A 49 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Berhubung dengan isu kecacatan pada notis rayuan, adalah dihujahkan oleh pihak responden bahawa notis rayuan yang dilampirkan pada ms 1 dan 2 rekod rayuan (lampiran 5) adalah defektif dan oleh yang demikian rayuan ini adalah tidak kompeten di hadapan mahkamah ini. Di dalam hujahannya peguam responden telah berpandukan kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Lee Lan v Lim Yoon Loy & Ors* [1991] 3 MLJ 419 yang

memutuskan bahawa notis rayuan yang hendak diserahkan di bawah A 49 hendaklah menunjukkan indorsan tarikh pemfailan notis tersebut di mahkamah yang dirayukan keputusannya. Dengan hormatnya saya menyatakan bahawa otoriti yang dikemukakan oleh responden tersebut tidak dapat menyokong hujahannya. Kes berkenaan dapat dibezakan dengan kes pihak responden di sini di mana apa yang berlaku di dalam kes *Lee Lan v Lim Yoon Loy & Ors* adalah bukan sahaja notis rayuan tersebut defektif dari segi indorsan yang dibangkitkan malah notis berkenaan telah tidak pernah diserahkan langsung kepada pihak responden. Seperti yang diputuskan oleh mahkamah berkenaan sesuatu rayuan tidak ujud tanpa notis difailkan di mahkamah dan juga serahan dibuat kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam masa yang ditentukan. Penyerahan notis rayuan kepada semua pihak-pihak yang terlibat di dalam rayuan ini adalah penting.

Merujuk kepada notis rayuan yang difailkan di dalam kes ini, saya mendapati bahawa dokumen tersebut telah diserahkan kepada responden dan telah difailkan di dalam masa yang ditentukan. Pada pandangan saya sesuatu notis rayuan adalah dibuat bagi maksud memberitahu pihak yang satu lagi bahawa satu rayuan telah difailkan. Ia bermaksud untuk memberikan notis yang sewajarnya kepada pihak yang terlibat. Dari sudut ini, pihak responden tidak boleh mengatakan bahawa beliau telah diprejudiskan ataupun diletakkan di dalam suatu keadaan yang 'less advantageous' memandangkan bahawa beliau memang sedar dan mengetahui akan adanya rayuan yang telah difailkan terhadap keputusan tersebut.

Pihak responden juga telah merujuk kepada kes *Himat Iktisas (M) Sdn Bhd v Better Sleep Marketing (East Coast) Sdn Bhd* [2002] 1 MLJ 577 yang telah mengikut keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Lee Lan v Lim Yoon Loy & Ors*. Suriyadi H memutuskan bahawa notis rayuan yang tidak diindorskan oleh mahkamah adalah notis yang tidak sempurna. Pada ms 582-583 beliau memutuskan:

> To reiterate, the reason for my agreeing with the preliminary objection followed by the rejection of the impungned notice of appeal was not because it was served out of time, but on the premise of the failure of the defendant to serve the plaintiff with a good notice of appeal. Even though the plaintiff had been supplied with a copy of the notice of appeal, the fact that it had not emanated from the court, a good notice of appeal could not have been said to have been served (*Tan Ting Kok v Cheong Lep Keen & Anor* [1969] 1 MLJ 153). That being so no service had taken place.

Dengan penuh hormatnya, saya berpandangan, kes tersebut di atas adalah tidak terpakai di dalam kes di hadapan saya sekarang memandangkan bahawa penelitian yang saya buat kepada ms 1 dan 2, lampiran 5 iaitu notis rayuan berkenaan yang bertarikh 21 Mei 2002 ada diindorskan dengan cap penerimaan Mahkamah Tinggi Ipoh bertarikh 22 Mei 2002. Ini bermakna bahawa notis rayuan tersebut telah melalui proses pemfailan dan telah dipanjangkan ke Mahkamah Tinggi dan dengan yang demikian ianya bolehlah dikatakan telah dikeluarkan melalui mahkamah ('had emanated from the court'). Dalam pada itu saya juga berpandangan bahawa

peruntukan di dalam A 1A dan A 2 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telah tidak dihujahkan di hadapan mahkamah berkenaan dan dengan yang demikian pendekatan seperti yang dimaksudkan di dalam kedua-dua Aturan berkenaan telah tidak langsung diberikan pertimbangan oleh hakim yang bijaksana tersebut. Saya berpendapat bantahan yang dikemukakan ini adalah merupakan bantahan atas dasar teknikal semata-mata dan seharusnya tidak dibenarkan. Seperti yang diputuskan di dalam kes *United Malayan Banking Corpn Bhd v Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 1 MLJ 561, bantahan atas dasar prosedur dan teknikal seperti ini tidak harus dibenarkan untuk menyekat proses memberikan keadilan kepada pihak yang patut menerimanya dengan mengambil kira isu-isu yang substantif di hadapan mahkamah. Ahmad Fairuz HMR (beliau pada ketika itu) telah merujuk kepada beberapa petikan dari kes-kes terdahulu di mana pada ms 565 kes berkenaan beliau telah menegaskan:

> Our Federal Court in the case of *Tan Chwee Geok & Anor v Khaw Yen-Yen & Anor* [1975] 2 MLJ 188 at p 189 said:
>
> > 'The rules of the Supreme Court are intended to facilitate, not impede, the administration of civil justice.
> >
> > In the bad old days in England from where we took our Rules, if you put a comma wrong you were thrown out of court, so strict were they about technicalities.
> >
> > But over the years this strictness gave way to common sense, and every time the Rules were amended it was with the object of removing fussy technicalities, and making it easier for parties to get justice.
> >
> > This changed attitude was reflected in the remarks of Lord Collins MR about 70 years ago in *Re Coles and Ravenshear* ([1907] 1 KB 1, at p 4):
> >
> > > "Although a court cannot conduct its business without a code of procedure, the relation of the rules of practice to the work of justice is intended to be that of handmaid rather than mistress; and the court ought not to be so far bound and tied by rules, which are after all only intended as general rules of procedure, as to be compelled to do what will cause injustice in the particular case."'
>
> And in the same case Ali FCJ, said (at p 192):
>
> > 'The general principle, I think, is that rights of parties in an action are not to be defeated by technical objections.'
>
> In this connection we would also like to quote what this court had said in *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331, at p 342 ie:
>
> > '... After all, courts exist to do justice according to the law as applied to the substantial merits of a particular case.'

Berhubung dengan isu bantahan awal dan pematuhan kepada prosedur mahkamah, pada pandangan saya adalah menjadi trend yang amat ketara dan jelas di kalangan mahkamah di negara ini di mana isu-isu substantif di atas prinsip keadilan adalah lebih dipentingkan daripada isu pematuhan tatacara. Seperti yang terkandung di bawah A 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah dengan jelas dan tegasnya diperuntukkan bahawa:

A In administering any of the rules herein the court or a judge shall have regard to the justice of the particular case and not only to the technical non-compliance of any of the rules herein.

Selanjutnya di bawah A 2 k 3 pula diperuntukkan:

B A court or judge shall not allow any preliminary objection by any party to any case or matter or proceedings only on the ground of non-compliance of any of these Rules unless the court or judge is of the opinion that such non compliance has occasioned a substantial miscarriage of justice.

Kedua-dua peruntukan di atas adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang baru dipinda di dalam Aturan-Aturan berkenaan yang mana pada C pendapat saya adalah merupakan satu manifestasi hasrat serta objektif sebenar mahkamah-mahkamah di negara ini. Adalah tidak keterlaluan jika saya mengatakan bahawa sesungguhnya pendekatan yang sama juga telah diambil oleh mahkamah-mahkamah di negara ini di sepanjang masa seperti yang dapat disimpulkan daripada pengamatan yang dibuat melalui beberapa kes terdahulu.

D VT Singam H, di dalam kes *Ng Cheah Cheong v Ong Sing Hock* [2002] 6 MLJ 481 pada ms 499-500 telah menurunkan beberapa kes lampau mengenai isu ini dan menyatakan:

In *Ee Kim Kin v Collector of Land Revenue, Alor Gajah* [1967] 2 MLJ 89, his Lordship Ismail Khan J (as he then was) said at p 90 'Rules of procedure E should be the hand maiden and not the master ...'.

In *Wong Lai Fatt v PP* [1973] 2 MLJ 31 at p 33, his Lordship Ong CJ observed that 'the paramount function and duty of the courts is to see that justice is done in all cases'.

In *SA Andavan v Registrar of Titles, Negeri Sembilan & Ors* [1977] 2 MLJ 220 at p 225, his Lordship Ajaib Singh J (as he then was) observed:

F 'Litigation is governed by rules of procedure and no side may take undue advantage over another by side-stepping any rule and it is the duty of the court to ensure that the parties engage themselves in a fair contest.'

In *Idris bin Haji Salleh v Federal Auto Holdings Bhd* [1979] 2 MLJ 141 at p 143, his Lordship Syed Agil Barakbah J (as his Lordship then was) said:

G 'The courts in a case ... prefer that it be decided on merits and do not invoke procedural rules to prevent a defendant from defending an action unless it has no merits in his application ... .'

In *Lee Guat Eng v Tan Lian Kim* [1985] 2 MLJ 196, his Lordship Hashim Yeop Sani SCJ (as he then was) said at p 196 that 'the rule should not be used to shut out litigants in every case of non-compliance'.

H In *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331 at pp 342–343, his Lordship Gopal Sri Ram JCA in delivering the judgment of the Federal Court said:

'That the justice of the case should be the overriding consideration is axiomatic. After all, courts exist to do justice according to the law as applied to the substantial merits of a particular case. *And rules of court and of practice are created to facilitate the attainment of justice, not its obstruction.*' I (Emphasis added.)

In *Ismail bin Abdul Hamid v OSK & Partners Sdn Bhd* [1996] 3 MLJ 686, his Lordship Gopal Sri Ram JCA said at p 689:

'I am conscious of the injustice that may have been visited upon litigants by reason of the difference in judicial opinion in that appeals have been dismissed in limine. The ends of justice will be best served in such cases by the appropriate courts entertaining applications to set aside the earlier dismissal and to have the appeals restored to the list. In cases where the notice of appeal has already been filed erroneously in the High Court, that court should treat the non-observance of the rule as an irregularity and proceed to hear and dispose such appeals on merits in order to ensure that substantial justice is done. I would, in this context, recall to mind that *a rule of court should not be given an interpretation that would result in unfairness or produce a manifest injustice*: *Sim Seoh Beng & Anor v Koperasi Tunas Muda Sungei Ara Bhd* [1995] 1 MLJ 292 at p 296. (Emphasis added.)'

Beliau juga telah merujuk kepada dua kes asing dan menyatakan (di ms 498-499:

In *Imtiaz Ahmad v Ghulam Ali PLD* (1963) SC 382 at p 400, Kaikaus J said:

'...I think the proper place of procedure in any system of administration of justice is to help and not to thwart the grant to the people of their rights. All technicalities have to be avoided unless it be essential to comply with them on grounds of public policy. The English system of administration of justice on which our own is based may be to a certain extent technical but we are not to take from that system its defects. Any system which by giving effect to the form and not to the substance defeats substantive rights is defective to that extent. The ideal must always be a system that gives to every person what is his.'

In *Harkness v Bell's Asbestos And Engineering Ltd* [1967] 2 QB 729 at pp 735–736, Lord Denning MR observed that:

'Every omission or mistake in practice or procedure is henceforward to be regarded as an irregularity which the court can and should rectify so long as it can do so without injustice. It can at last be asserted that it is not possible for an honest litigant in Her Majesty's Supreme Court to be defeated by any mere technicality, any slip, any mistaken step in his litigation.'

Akhirnya pada ms 500 kes yang sama beliau telah merujuk kepada kata-kata Mohtar Abdullah HMP di dalam kes *Megat Najmuddin bin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd* [2002] 1 MLJ 385 pada ms 426 dan 429 yang berbunyi:

... a judge should not be so besotted by the rules that his sense of justice and fairness becomes impaired because of his blinkered fixation on technicalities of the rules and the cold letter of the law ...

The duty of the Federal Court, as the apex court, to ensure that justice is done far outweighs any procedural technicality preventing it from being done. When a case is brought before the Federal Court, the court is seized of jurisdiction over the case. So seized, the Federal Court must decide the case in the interests of justice, to redress the wrong and uphold the right, uninhibited by the technicalities strewn in its path.

Berbalik kepada bantahan responden di dalam kes ini, mahkamah ini tidak nampak sebarang faktor atau sebab yang boleh menyebabkan ketidakadilan yang substantif telah dilakukan kepada responden dengan kecacatan yang

terdapat di dalam notis rayuan yang telah diserahkan kepadanya. Saya juga tidak berpuas hati di atas perkara-perkara yang dikemukakan di mahkamah ini bahawa pihak responden telah diprejudiskan oleh keadaan yang berbangkit. Saya dapati responden mengetahui dan sedar dengan sepenuhnya terhadap rayuan yang telah difailkan. Lampiran 5 yang telah diserahkan dan dimilikinya adalah mencukupi untuk beliau menyiapsediakan dirinya bagi menghadapi rayuan yang dikemukakan. Kesemua dokumen-dokumen yang relevan bagi membuat rayuan tersebut ada terkandung di dalam lampiran berkenaan. Akhirnya pada ms 1 dan 2 lampiran tersebut adalah jelas dan dengan secara spesifik memberi notis mengenai rayuan yang dibuat terhadap keputusan yang diberi oleh majistret pada 9 Mei 2002 dan draf perintah mahkamah yang dirayukan adalah seperti yang terkandung di ms 3 dan 4 lampiran yang sama. Perintah draf yang dilampirkan di dalam rekod rayuan tersebut dengan jelas merujuk kepada lampiran 60 di dalam prosiding di mahkamah yang dirayukan keputusannya dan segala dokumen yang berkaitan dan relevan dengannya turut dilampirkan di dalam rekod rayuan. Rayuan yang difailkan oleh peguam di dalam kes ini adalah terhadap keputusan majistret mengenai lampiran 60 iaitu permohonan untuk melanjutkan masa untuk memfailkan rayuan di luar jangkamasa yang ditetapkan. Segala affidavit yang berkaitan dengan permohonan tersebut ada terlampir di dalam rekod rayuan berkenaan selaras dengan dan mematuhi kehendak A 49 k 6(3)(d). Dokumen-dokumen tersebut adalah merupakan dokumen yang relevan berkaitan dengan permohonan yang merupakan 'subject matter' kepada rayuan yang dibuat oleh perayu di dalam kes ini. Oleh yang demikian, ketiadaan pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan pihak-pihak di dalam rekod rayuan tidak langsung menjejaskan rayuan yang difailkan. Malahan saya mendapati bahawa bagi tujuan serta maksud rayuan yang dikemukakan di hadapan saya, dokumen-dokumen tersebut adalah tidak relevan. Dalam hal yang demikian, saya memutuskan bahawa bantahan responden mengenai ketiadaan kedua-dua dokumen berkenaan di dalam rekod rayuan adalah tidak berasas dan tidak mempunyai sebarang merit.

Pada kesimpulannya, saya memutuskan bahawa bantahan yang dikemukakan oleh responden di dalam kes ini adalah tidak bermerit dan adalah dengan ini ditolak. Pendengaran rayuan yang dikemukakan oleh pihak perayu hendaklah diteruskan.

Perintah yang sewajarnya.

Reported by Lim Lee Na